

GS/MY-033/JUN2026
30 June 2026

Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 5, Perbendaharaan 2
No. 7, Persiaran Perdana
Presint 2, Putrajaya

**PERKARA: KEMAS KINI HARGA TAMBANG GOVT MALAYSIA AIRLINES BERHAD
BERIKUTAN PELARASAN CAJ BAHAN API (YQ) SERTA PEMBUKAAN
LALUAN ANTARABANGSA BAHARU**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan melaksanakan penyelarasan caj bahan api (YQ) berikutan perubahan kos bahan api global bagi tiket yang dikeluarkan mulai **01 Julai 2026**. Penyelarasan ini melibatkan laluan **Tokyo** dan **Osaka**.

Selain itu dengan sukacitanya MAB turut akan memperluaskan rangkaian penerbangan antarabangsa melalui pembukaan laluan baharu seperti berikut:

- **Shenzhen** – berkuat kuasa mulai **1 Julai 2026**
- **Changsha** – berkuat kuasa mulai **8 Julai 2026**
- **Fukuoka** – berkuat kuasa mulai **2 September 2026**

Sehubungan dengan pelaksanaan pelarasan caj bahan api (YQ) serta pembukaan laluan baharu tersebut, pihak kami telah mengemas kini kadar tambang GOVT Malaysia Airlines dan Firefly bagi tempoh **1 Julai 2026 hingga 31 Disember 2026**.

Bersama-sama ini dilampirkan dokumen berikut untuk rujukan dan tindakan pihak tuan:

- i. Harga Tambang GOVT Malaysia Airlines – Kemas Kini 1 Julai 2026 hingga 31 Disember 2026; dan
- ii. Harga Tambang Firefly – Kemas Kini 1 Julai 2026 hingga 31 Disember 2026.

Semua harga telah dikemas kini dengan caj bahan api (YQ) yang baru.

Sehubungan itu, pihak kami memohon jasa baik pihak tuan untuk mengemas kini kadar tambang GOVT Malaysia Airlines dan Firefly serta memanjangkan maklumat tersebut kepada semua kementerian, jabatan dan agensi berkaitan supaya kadar tambang yang telah diluluskan dapat diguna pakai bagi urusan perjalanan rasmi.

Pihak jabatan juga dipohon memastikan agensi pelancongan yang dilantik mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang isu berkaitan perbezaan tambang.

Mukasurat 2

Kami sedia maklum bahawa sebarang permohonan perubahan kadar tambang lazimnya memerlukan tempoh pemprosesan selama tiga puluh (30) hari. Walau bagaimanapun, memandangkan pelarasan caj bahan api (YQ) dan pembukaan laluan baharu ini perlu dilaksanakan mengikut tarikh kuat kuasa operasi yang telah ditetapkan, kami amat berharap agar pihak tuan dapat mempertimbangkan permohonan ini dan memberikan kelulusan sewajarnya bagi membolehkan kemas kini tersebut dilaksanakan mengikut tarikh yang berkenaan.

Sekian, terima kasih atas perhatian, pertimbangan dan kerjasama pihak tuan.

Yang benar,



NUR HAYATI AZIZ RASHID

Ketua Jualan Komersial Sabah, Sarawak dan Kerajaan Malaysia